

Bekas pelajar sekolah agama antara 34 pelajar perubatan sulung UMS

KOTA KINABALU: Seorang daripada 34 pelajar perintis Program Ijazah Doktor Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mahu membuktikan bahawa pelajar lepasan sekolah menengah agama mampu mengikuti kursus dalam bidang sains sama seperti pelajar lepasan sekolah menengah yang lain.

Mohd Firdaus Mohd Hayati, 20 yang berasal dari Pendang Kedah memberitahu wartawan di sini bahawa beliau memilih bidang ini kerana kurang diceburi kaum Bumiputera dan ingin mengikis persepsi masyarakat pelajar lepasan sekolah menengah agama hanya berminat menjadi pagawai agama dan guru agama.

“Saya memang berminat memberi sumbangan kepada masyarakat (dengan menjadi seorang doktor) dan untuk menyempurnakan tuntutan fardhu kifayah,” katanya ketika ditemui semasa pendaftaran mahasiswa baru UMS di sini, kelmarin.

Mohd Firdaus adalah bekas pelajar Sekolah Agama Maahad Muhammadi Lelaki, Kelantan dan mendapat Pangkat 1 dalam Sijil Pelajaran Malaysia dengan dua A1 dan lima A2.

Beliau kemudian meneruskan pengajian di pusat matrikulasi di Institut Teknologi Tun Abdul Razak di Langkawi selama setahun dan mendapat 3.9 mata dalam purata mata gred terkumpul sebelum diterima masuk ke UMS tahun ini.